

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]

TARIKH : 20 MEI 2015 (RABU)

SOALAN :

YB Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pelarian dibenarkan oleh UNCHR tinggal di negara ini, apakah bantuan Kerajaan ke atas mereka dan rancangan penghantaran mereka ke negara ketiga.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada statistik yang dikeluarkan oleh Pejabat Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Pelarian (UNHCR) di Kuala Lumpur sehingga 30 April 2015 terdapat 152,832 orang pemohon suaka dan pelarian berdaftar dengan UNHCR adalah seperti pecahan berikut:

NEGARA	PEMOHON SUAKA	PELARIAN	JUMLAH
Myanmar			
- Chin	20,926	28,873	49,799
- Rohingya	13,294	31,876	45,170
- Muslim	1,791	10,548	12,339
- Arakanese	568	6,755	7,323
- Mon	2,296	3,117	5,413
- Karen Kayin	2,159	2,398	4,557
- Burmese	2,475	2,659	3,381
- Bamar			
- Shan/Thai Yin	595	932	1,527
- Lain-lain	3,673	3,840	7,513
Afghanistan	209	191	400
Bangladesh	14	13	27
Cambodia	2	48	50
China	19	52	71
Filipina	3	5	8
Mesir	31	1	32
Indonesia	40	564	604
Iran	284	270	554
Iraq	272	575	847
Liberia	12	9	21

Mali	16	3	19
Pakistan	956	247	1,203
Palestin	149	280	429
Somalia	259	838	1,097
Sri Lanka	2,357	1,608	3,965
Sudan	64	65	129
Syria	503	462	965
Singapura	3	-	3
Thailand	60	11	71
Uzbekistan	12	-	12
Vietnam	-	7	7
Yemen	312	46	358
Lain-lain	67	74	134
Jumlah Keseluruhan	54,143	98,431	152,832

Dari tahun 2011 hingga 2014, telah berlaku peningkatan jumlah pemohon suaka dan pelarian sebanyak 56,683 orang (59%). Peningkatan yang melonjak ini disebabkan peningkatan pemohon suaka dan pelarian Myanmar sebanyak 61% iaitu dari 88,043 orang (2011) kepada 141,924 orang (2014).

Kerajaan tidak mengiktiraf status pelarian dan pemohon suaka memandangkan Malaysia bukan Negara Pihak kepada Konvensyen Status Pelarian 1951 atau Protokol Status Pelarian 1967. Walau bagaimanapun, Kerajaan atas dasar kemanusiaan membenarkan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang memegang kad UNHCR tinggal sementara di negara ini sehingga dihantar pulang ke negara asal atau ke negara ketiga.

PATI yang memegang kad UNHCR yang sah berhak menikmati kemudahan berikut:

- i. Tidak dinafikan kebebasan bergerak dan tidak ditahan melainkan terlibat dengan aktiviti jenayah atau melanggar undang-undang negara;
- ii. Tidak akan dihantar kembali ke negara asal selari dengan prinsip *non-refoulement* melainkan secara sukarela (*voluntary return*);
- iii. Tidak dinafikan hak untuk mendapatkan rawatan di hospital/klinik Kerajaan dengan diberi potongan caj sebanyak 50% daripada kadar yang dikenakan ke atas golongan ekspatriat. Vaksinasi kepada kanak-kanak adalah diberikan secara percuma; dan
- iv. Tidak disekat untuk mendapat kemudahan pelajaran di sekolah swasta yang dikendalikan oleh UNHCR, NGO dan komuniti pelarian.

Isu pelarian ini merupakan isu sejagat yang memerlukan bantuan dan sokongan masyarakat antarabangsa. Dalam hal ini, Kerajaan juga sentiasa mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan Perwakilan Asing yang mempunyai warganegaranya sebagai pelarian dan pejabat UNHCR di Kuala Lumpur bagi mempercepatkan proses penghantaran pulang pelarian ke negara asal atau dihantar ke negara ketiga khususnya di kalangan 148 negara yang menjadi Negara Pihak kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan Protokol Status Pelarian 1967.

Dalam masa yang sama, Pihak Berkuasa Malaysia juga sentiasa menghantar nota diplomatik kepada pihak UNHCR mengenai peningkatan pelarian di negara ini dan penguatkuasaan oleh Jabatan/Agensi sentiasa dipertingkatkan melalui pemantauan dan kawalan di pintu-pintu masuk negara ini samada melalui udara, sempadan darat atau pun jalan laut bagi menghalang kemasukan pelarian yang baru ke dalam negara ini.

Sekian. Terima kasih.